



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

MINGGU EPIDEMIOLOGI 03 (14 JANUARI 2024 – 20 JANUARI 2024)

Pada Minggu Epidemiologi ke-03 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 3,971 kes berbanding 3,525 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-03 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-03 adalah sebanyak 10,677 kes berbanding 7,058 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala terdapat dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding tiga (3) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-03 adalah sebanyak 127 lokaliti berbanding 136 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 127 lokaliti yang dilaporkan, 105 lokaliti di Negeri Selangor, 13 lokaliti di WPKL & Putrajaya, tiga (3) lokaliti di Negeri Perak dan Negeri Sembilan, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang serta satu (1) lokaliti di Negeri Kedah.

Bagi surveilan chikungunya, terdapat satu (1) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-03. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah dua (2) kes. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada ME03/2024. Bagi surveilan zika, sebanyak 97 sampel darah telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Aktiviti berkumpul bersama keluarga serta faktor pergerakan orang ramai secara meluas terutama semasa musim perayaan menyebabkan risiko jangkitan demam denggi meningkat. Oleh itu, pastikan premis dalam keadaan bebas dari tempat pembiakan Aedes serta tidak menjadi punca jangkitan denggi. Peralatan dan kelengkapan yang digunakan semasa sambutan perayaan mestilah diurus dengan baik dan dilupuskan di tempat yang telah disediakan supaya tidak menjadi punca pembiakan nyamuk Aedes. Amalkan langkah-langkah pencegahan sendiri seperti memakai pakaian berwarna cerah dan menutup anggota badan yang terdedah terutama sewaktu menjalankan aktiviti di luar rumah pada waktu puncak gigitan nyamuk Aedes iaitu pada pukul 5 pagi hingga 8 pagi dan pukul 5 petang hingga 8 malam. Cegah denggi sebelum terkena. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia


29 Januari 2024




**Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi
Minggu Epidemiologi ke-03 & ke-02 tahun 2024**



**Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi
sehingga Minggu Epidemiologi ke-03 tahun 2024 dan tempoh sama
tahun 2023**



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-03), 2023 dan median 2019-2023



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-03 tahun 2024